

# Sekolah agama persendirian ditarik lesen jika seleweng kurikulum

UM - 3 FEB. 2002

ALOR SETAR 2 Feb. — Kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap sekolah-sekolah agama persendirian, termasuk menarik balik lesen jika didapati kurikulumnya menyeleweng daripada garis panduan Kementerian Pendidikan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Datuk Mahadzir Mohd. Khir berkata, kerajaan sedang memantau perkembangan sekolah-sekolah agama tersebut dan tindakan segera akan diambil untuk membasmi masalah berkenaan.

"Sekolah-sekolah agama persendirian yang telah diberi lesen oleh kementerian tidak harus bertindak sesuka hati dan sekiranya pengajaran dan pembelajaran mereka lari daripada objektif maka kerajaan tidak ragu-ragu untuk mengambil tindakan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita selepas merasmikan Program Kemasyarakatan & Kemanusiaan bertemakan Ilmu Budi Bakti di sini hari ini.

Tambah beliau, ibu bapa juga perlu memastikan taman didikan kanak-kanak (tadika) dan taman asuhan kanak-kanak Islam (taska) telah berdaftar dengan Kementerian Pendidikan agar mereka tidak tertipu pada masa akan datang.

"Ibu bapa yang hendak mendaftar anak-anak di Tadika dan Taska, perlu memastikan nombor pendaftaran sekolah dipamerkan," katanya.

Selain itu, katanya, pengenalan kurikulum baru bersepadu yang akan diperkenalkan di sekolah-sekolah agama tidak akan menjejaskan pengajaran dan pembelajaran agama Islam kepada para pelajarnya.

"Aspek penting yang akan ditekankan dalam kurikulum baru itu ialah nilai-nilai keberkesanan daripada penyampaian ilmu dan pengajaran kepada para pelajar," jelas beliau.

Tambah Mahadzir, perancangan mengenai kurikulum baru itu sedang diatur dan dijangka dilaksanakan secepat mungkin.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk memperkenalkan kurikulum bersepadu untuk sekolah agama kerajaan dan swasta di seluruh negara bagi mengelakkan pengajaran keagamaan diselewengkan.

Sementara itu, Mahadzir memberitahu, Malaysia merupakan negara yang memiliki kadar celik huruf tertinggi di rantau Asia iaitu 95 peratus.

Sehubungan kejayaan itu, kerajaan kini sedang meningkatkan usaha agar kesedaran celik komputer khususnya masyarakat di luar bandar terus dijayakan.